

## **DASAR PRIVASI**

Genting Simon Sdn. Bhd. dan/atau sekutu-sekutunya (mungkin dikenali secara individu atau kolektif sebagai: "**kami**") adalah komited untuk melindungi privasi anda dan memastikan bahawa maklumat peribadi anda dikendalikan dalam cara yang selamat dan bertanggungjawab.

Akses anda ke [www.premiumoutlets.com.my](http://www.premiumoutlets.com.my) ("**Laman Web**") untuk digunakan di Johor Premium Outlets®, Genting Highlands Premium Outlets dan/atau outlet-outlet lain yang mungkin dikendali oleh kami dari semasa ke semasa (secara kolektif, "**Outlet- Outlet**") adalah tertakluk kepada Dasar Privasi ini. Dasar Privasi ini menerangkan maklumat peribadi yang kami kumpulkan tentang anda apabila anda menggunakan Laman Web kami dan cara kami menggunakan maklumat tersebut, kepada siapa kami mungkin zahirkan maklumat tersebut serta bagaimana anda mungkin boleh menggunakan hak anda untuk mengakses, meminda atau memadamkan maklumat peribadi yang anda berikan.

### **Apakah maklumat yang akan kami mengumpul dan bagaimana kami kumpulkannya?**

Untuk menikmati perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu di Laman Web kami atau untuk mengambil bahagian dalam program promosi, anda perlu mendaftar dengan kami sebagai seorang ahli VIP. Semasa pendaftaran ini, kami akan mengumpul maklumat seperti nama, alamat surat menyurat dan alamat e-mel, nombor telefon bimbit atau informasi tentang peranti mudah alih yang anda gunakan, dan maklumat demografi anda, seperti zip/poskod, kumpulan umur dan tahap pendapatan. Sekiranya anda memilih untuk mendaftar melalui Facebook atau Instagram, kami juga mungkin mengumpul maklumat anda daripada Facebook atau Instagram secara langsung.

Semasa menggunakan Laman Web kami dan terutamanya semasa anda mengunjungi Outlet-Outlet kami, kami mungkin akan menjejaki atau mengumpul maklumat tertentu tentang anda secara automatik bagit tujuan memberikan anda kandungan yang paling sesuai dengan kehendakan dan keperluan anda. Maklumat ini mungkin akan termasuk data lokasi anda, *URL* yang anda melayari sebelum melawati Laman Web kami (sama ada *URL* tersebut terdapat di Laman Web kami atau tidak), *URL* yang anda melayari selepas mengunjungi Laman Web kami (sama ada *URL* tersebut terdapat di Laman Web kami atau tidak), apa pelayar yang anda gunakan, alamat *Internet Protocol* anda dan data berkaitan dengan minat-minat dan kehendakan-kehendakan anda daripada akaun Facebook atau Instagram anda. Tambahan pula, di mana kami membekalkan promosi yang berkaitan dengan program loyalty, kami juga mungkin akan mengumpul maklumat anda yang berkaitan dengan program loyalty, seperti keahlian dan urusan anda daripada pemilik, pengendali ataupun rakan kongsi program tersebut.

Sekiranya anda ingin menempah suatu rombongan lawatan melalui Laman Web kami, kami akan mengumpul maklumat peribadi anda yang lebih lanjut seperti nama rombongan, pembekal pengangkutan, hotel atau tempat penginapan, tarikh penempahan, bilangan tetamu-temtamu, pilihan-pilihan makan malam dan jangkakan waktu ketibaan.

### **Bagaimana kami mengunnakannya/ Tujuan penggunaan**

Kami akan menggunakan maklumat anda dalam beberapa cara, termasuk tetapi tidak terhad kepada, tujuan memperbaiki pengalaman membeli-belah anda di Outlet-Outlet kami; membekalkan bahan promosi berkaitan dengan Outlet-Outlet kami kepada anda; melibatkan anda dalam program-program penebusan kami; membekalkan anda dengan mana-mana produk atau perkhidmatan kami yang anda mintakan; dan menjalankan penyelidikan dalaman mengenai demografi pengguna kami, minat-minat, dan penggunaan laman web, untuk lebih memahami dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda.

Jika anda memilih masuk, kami mungkin akan menzahirkan maklumat anda kepada perniagaan yang bersekutu dengan Outlet-Outlet kami. Mereka mungkin akan menggunakan dan menyimpan maklumat ini untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan kepada anda dan anda mungkin akan menerima maklumat produk dan perkhidmatan daripada mereka, terutamanya apabila anda melawati Outlet-Outlet kami. Kami

mungkin akan menggunakan maklumat anda untuk menyampaikan maklumat kepada anda, yang kadangkala adalah tersasar kepada minat anda. Dalam masa yang akan datang, kami mungkin akan menzahirkan senarai alamat e-mel kami kepada syarikat-syarikat terpilih yang produknya mungkin akan menarik minat anda. Sekiranya anda ingin hentikan langganan, anda boleh melakukannya dengan menyahlanggan atau dengan mengunjungi halaman Hubungi Kami dan menghantar e-mel, atau dengan menghubungi kami melalui butiran hubungan yang disediakan di bawah. Kami mungkin tidak akan menggunakan maklumat anda untuk tujuan pemasaran langsung kecuali di mana kami telah menerima persetujuan anda. Jika anda setuju dengan penggunaan sedemikian, kami mungkin akan memasarkan barangan dan perkhidmatan di Outlet-Outlet kami secara langsung kepada anda. Komunikasi pemasaran langsung mungkin akan dihantar kepada anda melalui pelbagai saluran, termasuk tetapi tidak terhad kepada, Laman Web kami, e-mel dan SMS.

Semasa menyediakan perkhidmatan melalui Laman Web tersebut, kami mungkin akan menzahirkan maklumat anda kepada sekutu-sekutu kami, pihak-pihak ketiga yang kami percaya adalah bereputasi untuk menawarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang mungkin akan menarik minat anda, serta dengan penjual-penjual /pembekal-pembekal luar dan organisasi-organisasi yang membekalkan perkhidmatan sokongan kepada kami atau membantu kami dengan program-program pemasaran kami. Sekutu-sekutu atau pihak-pihak ketiga sedemikian mungkin berlokasi di luar Malaysia yang mungkin tidak menjamin tahap perlindungan terhadap maklumat peribadi yang sama dengan lokasi bermastautin anda. Dengan menggunakan Laman Web ini, anda memberi persetujuan kepada kami untuk memproseskan data peribadi anda selaras dengan Dasar Privasi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemprosesan oleh sekutu-sekutu dan pihak-pihak ketiga kami yang mungkin berlokasi di luar Malaysia. Sekiranya kami berhasrat untuk menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan lain yang tidak disenaraikan di atas, kami akan mengumumkannya terlebih dahulu kepada anda, orang yang berkaitan, atau secara umum, termasuk tetapi tidak terhad kepada, dengan menyiarkan notis dalam Laman Web tersebut. Kami tidak akan menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan lain yang tidak disenaraikan di atas.

### **Mengemaskini maklumat anda**

Anda boleh menyemak, mengubah, atau memohon penghapusan maklumat peribadi anda dengan menghubungi kami melalui maklumat hubungan yang diberikan di bawah. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, kami boleh menolak permohonan anda dan akan memberikan sebab penolakan tersebut.

### **Bagaimana kami melindungi maklumat anda**

Kami menggunakan teknologi yang selaras dengan standard industri dan berusaha untuk melindungi kesulitan maklumat peribadi anda. Ini termasuklah pelayan yang selamat dan *'firewall'*. Semua data pengguna yang kami kumpulkan adalah dilindungi daripada akses tanpa izin. Hanya pekerja yang diberi kuasa dan memerlukan maklumat untuk melaksanakan tugas tertentu akan diberikan akses kepada maklumat ini.

### **Bagaimana dengan *'cookies'* dan *'web beacons'*?**

*"Cookies"* adalah data yang disimpan dalam cakera keras atau pelayar, yang mengandungi maklumat tentang pengguna. Kami menggunakan *cookies* dalam Laman Web kami, tetapi *cookies* tersebut tidak mengandungi maklumat peribadi yang boleh mengenalpastikan anda. Di samping itu, kami mungkin akan memutuskan untuk menggunakan *cookies* pada halaman tertentu dalam Laman Web kami. *Cookies* boleh membantu kami menyediakan maklumat yang tersasar kepada minat-minat anda. *Cookies* akan disimpan dalam cakera keras atau pelayar anda, bukan dalam Laman Web kami. Kebanyakan *cookies* adalah *"session cookies"* yang bermaksud bahawa ia akan dipadamkan secara automatic pada akhir sesi.

Beberapa rakan-rakan kongsi perniagaan kami juga akan menggunakan *cookies* di Laman Web kami, contohnya, berkaitan dengan pengiklanan mereka. Kami tidak dapat mengawal *cookies* tersebut, dan

mungkin tidak mempunyai akses kepada informasi-informasi yang dikumpulkan oleh pengiklan-pengiklan tersebut. Anda boleh memilih untuk menolak *cookies* tersebut dengan mengubah *setting* pelayar anda supaya menolak semua *cookies* atau untuk memaklumkan anda setiap kali suatu *cookies* digunakan. Jika anda menolak *cookies*, anda mungkin tidak dapat menggunakan semua perkhidmatan kami melalui Laman Web ini.

Laman Web ini dan komunikasi-komunikasi yang dijana daripada penggunaan dan/atau pendaftaran Laman Web ini, seperti e-mel promosi, mungkin mengandungi imej elektronik yang dikenali sebagai '*web beacons*'. *Web beacons* secara amnya berfungsi bersempena dengan *cookies*, dan kami mungkin menggunakan mereka sebagaimana kami menggunakan *cookies* (sila rujuk ke atas).

### **Bagaimana dengan pautan ke laman web pihak ketiga?**

Laman Web kami kadang-kala mungkin akan memberikan pautan-pautan ke laman web yang dikendalikan oleh pihak-pihak ketiga yang tidak dapat dikawal oleh kami. Harap maklum bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap amalan-amalan privasi pihak ketiga. Dasar Privasi ini hanya terpakai kepada maklumat peribadi yang kami kumpulkan di Laman Web kami. Kami menggalakkan anda untuk membaca dasar-dasar privasi laman web yang terdapat di laman web pihak ketiga yang anda pautkan atau mengunjungi daripada Laman Web kami.

### **Persetujuan Anda**

Kecuali jika terdapat peruntukkan sebaliknya dalam Dasar Privasi ini, kami hanya mengumpulkan maklumat peribadi anda yang anda bekalkan kepada kami secara sukarela. Jika anda tidak ingin kami mengumpulkan maklumat peribadi anda, sila jangan berikan kami maklumat sedemikian. Harap maklum bahawa akses anda kepada Laman Web ini dan kepada perkhidmatan-perkhidmatan kami mungkin akan dihadkan jika anda tidak memberikan maklumat sedemikian. Sekiranya anda berusia antara 13 hingga 18 tahun, sila dapatkan persetujuan daripada ibu bapa/penjaga sah anda. Dengan menggunakan Laman Web kami, anda bersetuju dengan pengumpulan dan penggunaan maklumat seperti yang diterangkan dalam Dasar Privasi ini. Sekiranya anda berusia 12 tahun dan ke bawah, sila jangan gunakan Laman Web kami.

### **Memilih keluar dan menguruskan pilihan anda**

Apabila anda mendaftar untuk Kelab VIP di Laman Web ini, anda akan diminta untuk memberi persetujuan kepada pemprosesan maklumat peribadi anda selaras dengan Dasar Privasi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sama ada anda ingin menerima komunikasi pemasaran daripada kami atau tidak. Anda boleh mengubah pilihan-pilihan anda berkenaan dengan komunikasi pemasaran atau pilihan-pilihan lain anda pada bila-bila masa, dengan menghubungi kami melalui maklumat hubungan yang diberikan di bawah.

Sila ambil perhatian bahawa jika anda menarik balik persetujuan anda kepada pemprosesan dan/atau pindahan tertentu, kami mungkin tidak akan dapat meneruskan pembekalan manfaat-manfaat perkhidmatan kami melalui Laman Web kami kepada anda.

### **Adakah Dasar Privasi kami akan berubah pada masa yang akan datang?**

Kami sentiasa menambahbaik dan mengemaskinikan Laman Web kami untuk memperbaiki pengalaman membeli-belah anda di Outlet-Outlet kami. Akibatnya, dasar kami mungkin akan berubah. Ketika kami melaksanakan teknologi baru dan menyediakan perkhidmatan baru, kami akan mengemaskini Dasar Privasi kami. Kami menggalakkan anda supaya merujuk kepada halaman ini secara berterusan untuk dasar dan amalan kami yang paling terkini.

**Ingin berkongsi pemikiran anda tentang privasi dengan kami?**

Kami mengalu-alukan komen dan cadangan anda. Anda boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data Peribadi kami [melalui](#) :

- No. Telephone: 07-661 8812
- No. Faks: 07- 661 8810
- Emel: [chriz.liew@genting.com](mailto:chriz.liew@genting.com)